

### 2.30 petang

- Pendaftaran
- Ketibaan jemputan

### 3.00 petang

- Ketibaan Ketua Pengarah MARDI dan barisan JPKM serta pembentang syarahan
- Bacaan doa
- Sesi memperkenalkan pembentang
- Pembentangan oleh Hassan Said  
Tajuk  
“Memperkasa Usahawan Agromakanan Melalui Teknologi MARDI”

### 4.30 petang

- Jamuan ringan/bersurai



# Intellectual discourse

## Memperkasa Usahawan Agromakanan Melalui Teknologi MARDI



26 April 2017 (Rabu)

**Hassan Said**

Pusat Promosi dan Pembangunan Perniagaan

Dewan Kuliah  
Kompleks Latihan, MARDI



**Hassan Said**  
Dilahirkan pada  
14 Mei 1958  
di Kerteh,  
Terengganu

### Pendidikan:

#### **Sekolah Rendah dan Menengah**

- Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar, Kuala Terengganu (1965 – 1967)
- Sekolah Menengah Tengku Ibrahim, Setiu, Terengganu (1971 – 1973)
- Sekolah Alam Shah, Cheras, Selangor (1974 – 1975)

#### **Institusi Pengajian Tinggi**

- B. Sc. (Agric. Sc.) dari Universiti Pertanian Malaysia (1977 – 1982)
- M. Phil. (Soil Fertility) University of Nottingham, UK (1992 – 1993)

## Pengalaman kerja dan pencapaian

Hassan Said memulakan kerjaya di MARDI pada Mac 1983 sebagai pegawai penyelidik di Bahagian Projek Pembangunan. Pengalaman awal beliau adalah dalam bidang agronomi tanaman di MARDI Chenderong Balai, Teluk Intan, Perak, (1983 – 1985), Stesen MARDI Parit (1986 – 1988), MARDI Tanjung Piandang (1999 – 1990) dan IADP Seberang Perak (1990 – 1991). Setelah tamat pengajian di peringkat M. Phil, beliau telah ditempatkan di stesen MARDI Seberang Perai di bawah Pusat Penyelidikan Padi dan Tanaman Industri sebelum dipindahkan ke Pusat Penyelidikan Sumber Strategik, Ibu Pejabat MARDI di bawah Program Pengurusan dan Penggunaan Sumber Biologi.

## Tanggungjawab lain

Setelah 23 tahun melaksanakan tugas sebagai pegawai penyelidik, beliau diberi amanah sebagai pengurus stesen MARDI Jerangau mulai tahun 2006. Seterusnya dilantik sebagai PMN Terengganu bermula pada tahun 2008. Pada 12 Ogos 2015 beliau dilantik sebagai pengarah Pusat Promosi dan Pembangunan Perniagaan (PB) MARDI.

Antara projek utama beliau selama bertugas di MARDI adalah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kerian/Sungai Manik, Projek

Pembangunan Bersepadu Seberang Perak, Pembangunan Teknologi Pengeluaran VitAto, Pembangunan Sistem Maklumat Tanaman Ubatan, Pembangunan Pulau Tropika, Tasik Kenyir dan Projek Pengeluaran Tanaman Rosel Negeri Terengganu.

## Penerbitan

Sepanjang bertugas dengan MARDI beliau telah menghasilkan lebih 30 penerbitan ilmiah melalui jurnal, prosiding dan kertas kerja pembentangan. Semasa mengetuai Pusat PB, sebanyak empat buah buku telah dihasilkan iaitu “Kisah Kejayaan Peserta Inkubator MARDI Siri 1”, “Direktori Usahawan Bimbingan MARDI 2015”, “Direktori 100 Agropreneur Muda MARDI” dan “Kisah Pengkomersilan Teknologi MARDI”.

## Anugerah

Beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2012 dan Darjah Setia Mahkota Terengganu Yang Amat Dihormati (S.M.T.) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu pada 17 Ogos 2014.

## Memperkasakan Usahawan Agromakanan Melalui Teknologi MARDI

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan sumber pertumbuhan ekonomi yang penting dan akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia seiring dengan langkah untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Pada tahun 2015, PKS telah menyumbang sebanyak 36.3% KDNK negara dengan jumlah nilai ditambah sebanyak RM385.6 bilion pada kadar peningkatan tahunan sebanyak 6.1%, memberi peluang perniagaan sebanyak 65% dan memberi nilai eksport sebanyak 18%. Ini jelas menunjukkan prestasi PKS di Malaysia semakin meningkat. Ia juga membuktikan bahawa PKS memainkan peranan penting sebagai enjin pertumbuhan masa hadapan negara.

Demi meningkatkan produktiviti dan mengekalkan daya saing, PKS tidak boleh ketinggalan dengan arus perubahan teknologi dan perlu giat melaksanakan aktiviti inovasi. MARDI memindahkan teknologi dan inovasi secara terus kepada PKS melalui Program Pembangunan Usahawan, Pusat Promosi dan Pembangunan Perniagaan (PB) yang mempunyai tiga subprogram utama iaitu Khidmat Sokongan Usahawan, Khidmat Bimbingan Usahawan dan Projek Khas Pembangunan Usahawan. Golongan sasar program ini ialah usahawan Industri Asas Tani (IAT) dan pertanian yang bertaraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang bersedia untuk menerima dan membangun dengan penggunaan teknologi MARDI.

Khidmat sokongan usahawan bertujuan untuk membantu usahawan mikro dan bakal usahawan berpotensi melalui aktiviti-aktiviti seperti khidmat nasihat, bengkel dan seminar kepada usahawan dan bakal usahawan, khidmat analisis produk, ceramah teknikal dan klinik usahawan. Sepanjang tahun 2016, seramai 4,359 orang telah menerima khidmat nasihat teknikal dan maklumat berkaitan teknologi makanan, tanaman, ternakan dan lain-lain melalui khidmat ‘one-off’. Daripada jumlah tersebut, 51% adalah bidang makanan, 16% bidang tanaman, 6% ternakan dan 27%

bidang-bidang lain. Sebanyak 14 bengkel telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 yang melibatkan 658 peserta.

Pada tahun 2016 seramai 388 usahawan bimbingan berjaya dibantu dalam aspek teknikal dan perniagaan dengan 202 syarikat berjaya mencapai tahap PKS dan 186 syarikat masih di tahap mikro. Usahawan MARDI telah diberi bimbingan teknikal seperti teknologi pemprosesan, peningkatan kualiti, kawalan mutu, pembangunan produk baru, penjenamaan dan pembungkusan produk, pembangunan sistem pengeluaran, susun atur kilang, mekanisasi pengeluaran dan pembangunan dokumen untuk pensijilan MeSTI, HALAL, GMP dan HACCP.

Nilai jualan produk usahawan bimbingan MARDI bagi tahun 2016 telah mencapai RM425,320,201 bagi pasaran domestik dan RM152,702,276.00 bagi pasaran antarabangsa. Para usahawan perlu bijak mengambil peluang agromakanan global yang terbuka luas terutama bagi pasaran produk halal yang mendapat kepercayaan yang tinggi terhadap halal Malaysia di kalangan pengguna antarabangsa.

Pada tahun 2016, geran pepadanan yang ditawarkan kepada usahawan MARDI ialah Geran Pepadanan *High Impact Project* (HIP) dan Geran Pepadanan *Change Upgrade Product* (CUP). Sebanyak tujuh syarikat usahawan telah diluluskan Geran HIP dengan jumlah geran sebanyak RM1,029,292.40 dan 13 syarikat usahawan telah diluluskan geran CUP dengan jumlah geran sebanyak RM571,111.43.

Aktiviti pembangunan usahawan juga dilaksanakan melalui program Agropreneur Muda. Bermula dari tahun 2014 – 2016, seramai 3,211 peserta telah mendaftar untuk menyertai program usahawan muda MARDI. Berbagai program telah dilaksanakan seperti *showcase product* bersama syarikat besar seperti Low Yat Group dan Sri Hartamas, Program Jelajah Agropreneur Muda dan terkini Agora Agropreneur Muda. Mereka didedahkan dengan perniagaan, keusahawan dan teknologi berkaitan yang dibangunkan oleh MARDI.